KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	23/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

4 ditahan pindah balak secara haram

BH 23 Okt 2021_22

Suspek tak sempat larikan diri selepas beberapa kali lolos sebelum ini

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: Empat individu ditahan kerana cuba memindahkan balak secara haram dari kawasan hutan Kampung Perlak Mukim Penyor, di sini petang kelmarin.

Lelaki tempatan berusia antara 30 hingga 36 tahun berkenaan sebelum ini sudah beberapa kali dapat meloloskan diri apabila diserbu selepas memindahkan hasil hutan tanpa permit.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nor Azirim Ahmad, berkata dalam serbuan jam 4 petang, empat lelaki terbabit berada dalam hutan berkenaan untuk memindahkan balak yang ditebang.

Katanya, dua daripada empat lelaki berkenaan dipercayai menjadi dalang kegiatan memindahkan balak secara haram di beberapa daerah di Pahang sebelum ini.

"Berdasarkan maklumat, seramai 21 anggota yang turut disertai Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Kuantan, Pekan dan Maran menyerbu dan mengepung kawasan berkenaan yang terletak kira-kira empat kilometer dari jalan utama.

"Empat individu terbabit terkejut dan tergamam melihat kehadiran anggota penguat kuasa, mereka tidak menyangka kegiatan mereka dapat dihidu sehingga tidak sempat melarikan diri," katanya semalam.



Jengkaut yang digunakan untuk memindahkan balak secara haram disita dalam serbuan di Kampung Perlak Mukim Penyor, Pekan.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Lelaki berkenaan ditahan untuk siasatan Seksyen 15(1) (Akta 313) Akta Perhutanan Negara 1984.

Nor Azirim berkata, dalam serbuan kelmarin pihaknya menyita dua jengkaut dan masing-masing sebuah lori balak dan sebuah Pajero.Turut ditemui tukul tanda harta yang dipercayai dibuat semula.

Katanya, pemeriksaan menemui lebih 30 tual balak pelbagai jenis seperti kelat, kedondong dan sesenduk bernilai lebih RM3,000. Usaha menentukan jumlah pokok yang ditebang akan dilakukan hari ini.

"Kali terakhir sendikit berkenaan memindahkan balak secara haram ialah dua minggu lalu di Hutan Simpan Lepar. Kita menahan dua lori yang membawa muatan 54 tual balak pelbagai jenis bernilai RM30,000 di Jalan Kuantan-Maran.

"Dua dalang yang menjadi penggerak utama kegiatan berkenaan melepaskan diri selepas mengetahui kehadiran pihak berkuasa.

"Kita kini berusaha mengesan seorang lagi ahli sendikit berkenaan yang melarikan diri dalam hutan, dia dipercaya penebang pokok yang mahir dan berpengalaman," katanya.